

POLA PETEMPATAN MARITIM DI PULAU BORNEO: KAJIAN KES DI DAERAH LIMBANG, SARAWAK

*Mohammad Raduan Mohd. Ariff
Amaluddin Bakeri*

PENGENALAN

Di rantau Asia Tenggara khususnya di bahagian kepulauan, petempatan maritim yang lumrah dapat dilihat pada masa kini adalah dalam bentuk kampung-kampung air. Lokasi petempatan kampung air secara umumnya terletak di kawasan pinggir pantai, muara dan tebing sungai-sungai utama. Antara petempatan kampung air yang utama terletak di Kepulauan Sulu, Kepulauan Sulawesi, Kepulauan Riau dan Pulau Borneo. Di Pulau Borneo, taburan petempatan kampung air sebahagian besarnya terletak di Kalimantan seperti di Samarinda, Balikpapan dan Banjarmasin. Kampung air juga terdapat di Negara Brunei Darussalam iaitu di Kampong Ayer Brunei Darussalam. Di Sabah kampung air antaranya terletak di Pitas, Kota Kinabalu dan Kota Marudu. Manakala di Sarawak kampung air seperti yang terdapat di Miri, Limbang dan Lawas. Selain itu, ia turut terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan.

Perbincangan yang diutarakan dalam artikel ini terlebih dahulu akan menghuraikan tentang latar belakang sejarah kampung-kampung air di Pulau Borneo. Seterusnya penulisan ini akan membincangkan secara terperinci tentang pola petempatan kampung air di daerah Limbang, Sarawak. Penelitian kemudiannya akan dilakukan ke atas taburan dan corak petempatan kampung-kampung air di daerah Limbang pada masa kini. Penghuraian tentang morfologi petempatan kampung air di daerah Limbang juga akan dilakukan. Bahagian akhir penulisan ini menjelaskan secara terperinci tentang saiz, bahan binaan, rekabentuk dan senibina rumah-rumah di kampung-kampung air daerah Limbang. Untuk melihat secara jelas tentang aspek saiz, bahan binaan, rekabentuk dan senibina rumah, perbincangan akan ditumpukan kepada Kampung Seberang Kedai yang merupakan petempatan kampung air terbesar di daerah Limbang.

LATAR BELAKANG SEJARAH KAMPUNG AIR DI PULAU BORNEO

Sehingga abad ke-17, komuniti maritim Asia Tenggara yang mendirikan petempatan kampung-kampung air telah mendominasi kawasan pinggir-pinggir pulau dan muara-muara sungai. Petempatan kampung air yang besar merupakan kota-kota kepada kerajaan maritim (*maritime kingdom*) bagi rantau ini.¹ Kerajaan-kerajaan maritim tersebut sebilangan besarnya merupakan Kesultanan-kesultanan Melayu termasuklah Kesultanan Maguindanao, Kesultanan Ternate, Kesultanan Makassar, Kesultanan Cotabatu, Kesultanan Mempawah, Kesultanan Sambas,

Kesultanan Pontianak, Kesultanan Ketapang, Kesultanan Banjarmasin, Kesultanan Samarinda, Kesultanan Sulu dan Kesultanan Brunei. Kampung-kampung air juga menjadi tempat tinggal bagi kesultanan-kesultanan yang lebih kecil.² Thomas Forrest menjelaskan, pada tahun 1766 di sekitar Kepulauan Sulu dan utara Pulau Borneo terdapat lebih kurang 33 buah kesultanan kecil.³

Sebelum bermulanya abad ke-20, kerajaan-kerajaan maritim di atas yang berlatarbelakangkan kepulauan telah menjadikan laut sebagai asas perkembangan ekonomi dan pentas penguasaan politik.⁴ Kerajaan-kerajaan maritim tersebut diperintah sepenuhnya oleh golongan bangsawan atau aristokrat. Golongan bangsawan atau aristokrat yang menguasai sesebuah kerajaan maritim akan bertindak sebagai pengumpul dan pengedar sumber laut dan hasil hutan bagi wilayah serta jajahan takluk masing-masing.⁵ Dengan bertindak demikian golongan bangsawan atau aristokrat ini telah menjalinkan hubungan "pusat-pinggir" dengan kesultanan-kesultanan kecil yang membekalkan sumber laut dan hasil hutan. Mereka juga menjalinkan hubungan dengan penduduk kawasan pedalaman yang turut membekalkan hasil hutan.

Pengumpulan sumber laut seperti tripang, kulit penyu, sirip jerung dan mutiara; dan hasil hutan seperti rotan, sarang burung, damar serta kapur barus dilakukan dengan menggunakan tenaga hamba. Hamba bukan sahaja ditugaskan memungut sumber laut dan hasil hutan, mereka turut mengusahakan tanah pertanian serta menjadi tentera atau pengawal peribadi kepada golongan pemerintah.⁶ Semakin ramai bilangan hamba yang dikuasai oleh pemerintah menunjukkan semakin kuat sesebuah kerajaan maritim itu.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, golongan bangsawan atau aristokrat menjadi orang yang bertanggungjawab mengawal, mengorganisasi dan mengendalikan kegiatan dalam sesebuah kerajaan maritim yang dikuasai. Segala sumber laut, hasil hutan dan hasil pertanian yang dikumpul serta barang-barang pembuatan yang dihasilkan oleh golongan hamba akan didagangkan oleh golongan bangsawan atau aristokrat kepada kerajaan-kerajaan maritim yang terdapat di sekitarnya. Selain itu, barang-barang tersebut turut didagangkan kepada penduduk di kawasan pedalaman.

Golongan bangsawan atau aristokrat juga memperdagangkan segala hasil mahsul yang dinyatakan di atas kepada saudagar-saudagar dari Benua China yang hadir ke kota-kota maritim. Hubungan perdagangan luar turut dijalinkan dengan pedagang-pedagang dari Benua India, Timur Tengah dan negara-negara Eropah seperti British, Belanda dan Sepanyol. Jelasnya, petempatan kampung air yang besar pada waktu itu bukan sahaja menjadi pelabuhan perdagangan antarabangsa, malah menjadi sebuah *regional emporium* yang menemukan pedagang-pedagang dan barangan rantau ini dengan pedagang-pedagang dan barangan antarabangsa dari pelbagai negara dunia.⁷

Kerajaan-kerajaan maritim pada abad ke-17 hingga 18 kebanyakannya adalah Kesultanan Melayu yang menganut dan mengembangkan agama Islam. Kerajaan-kerajaan maritim tersebut telah menjadi pusat penyebaran agama Islam di

pinggir pantai seluruh rantau Asia Tenggara, khususnya di bahagian kepulauan. Ini menyebabkan penyebaran agama Kristian di rantau Asia Tenggara yang dilakukan oleh kuasa-kuasa Eropah seperti British, Belanda dan Sepanyol sepanjang abad tersebut gagal menguasai penduduk di kawasan pinggir pantai dan muara-muara sungai.

Usaha meluaskan empayar yang dikuasai oleh golongan pemerintah kerajaan-kerajaan maritim di atas dilakukan dengan tiga cara. Pertama, melalui perkahwinan antara anak pemerintah di sesebuah kuasa tempatan dengan anak pemerintah sesebuah kuasa tempatan yang lain. Cara ini dapat membentuk sebuah empayar maritim yang lebih besar dan mengukuhkan lagi aspek ekonomi dan politik mereka melalui penambahan bilangan hamba yang dikuasai. Menurut Kobkua Suwannathat Pian:

“Amalan perkahwinan antara para ahli kerabat diraja Asia Tenggara pada zaman tradisional dapat juga dilihat sebagai usaha untuk mengeratkan hubungan persahabatan dan kekeluargaan di kalangan pusat kuasa itu, biasanya bagi tujuan memperkukuhkan kedudukan politik, ketenteraan dan ekonomi pihak-pihak yang terlibat.”⁸

Kedua, dengan mengadakan hubungan dan menawarkan perlindungan kepada sesebuah kuasa tempatan yang lebih kecil. Kesultanan-kesultanan kecil yang ingin mendapatkan perlindungan perlu membayar ufti dalam bentuk hasil hutan.⁹ Ketiga, melalui usaha penaklukan. Kesultanan-kesultanan kecil yang enggan membayar ufti dan mereka tidak mempunyai perlindungan daripada mana-mana kuasa besar lain akan diserang dan ditakluk.

Selain menjadi pusat perdagangan dan penyebaran agama Islam, kerajaan-kerajaan maritim di atas juga menjadi pusat pelbagai kepakaran dan kemahiran. Sesebuah kesultanan itu secara tradisi telah mempunyai dan melatih pakar-pakar khas serta tukang-tukang mahir dalam pelbagai bidang. Keadaan ini kemudiannya telah mewujudkan morfologi dan pembahagian kawasan mengikut kepakaran penduduk dalam sesebuah kampung air. Ini dibuktikan dengan lawatan Spencer St. John pada tahun 1862 ke Kampong Ayer yang merupakan pusat pemerintahan bagi Kesultanan Brunei pada masa itu.¹⁰

St. John telah mengenalpasti nama-nama kampung yang menggambarkan kepakaran penduduknya. Misalnya Kampung Pandai Emas (pertukangan emas), Kampung Pandai Besi (pertukangan besi), Kampung Pematik (menangkap ikan), Kampung Pemeriook (membuat periok), Kampung Perambat (menyirat jala) dan Kampung Padaun (menganyam atap daun nipah). Pembahagian dan pengkhususan bidang pekerjaan telah memudahkan golongan bangsawan atau aristokrat terus mengawal dan mengendalikan kegiatan dalaman kerajaan maritim yang dikuasai.

Kemajuan dan kemakmuran kerajaan-kerajaan maritim di atas telah dicemburui oleh kuasa-kuasa Barat yang pada peringkat awal datang untuk berdagang.

Kuasa-kuasa Barat ingin memonopoli perdagangan dan sumber-sumber yang dikuasai oleh kerajaan-kerajaan maritim. Mereka bercita-cita untuk menjajah kerajaan-kerajaan maritim. Kuasa-kuasa Barat khususnya Sepanyol, Inggeris dan Belanda kemudiannya telah mengepung kota-kota maritim yang menjadi pusat pemerintahan dan perdagangan utama.

Kuasa-kuasa Barat yang memiliki kecanggihan teknologi senjata seperti meriam, senapang dan pistol, telah menyerang serta memusnahkan kota-kota maritim melalui laut. Serangan angkatan laut tersebut menyebabkan berlakunya kemusnahan teruk struktur politik dan pentadbiran kerajaan-kerajaan maritim. Kerajaan-kerajaan maritim akhirnya lumpuh dan yang masih wujud tidak mampu untuk bangkit semula sebagai sebuah kota maritim.

Kuasa-kuasa Barat yang telah menjajah kerajaan-kerajaan maritim di atas telah tidak memberikan tumpuan kepada pembangunan 'ekonomi kelautan' tetapi membangunkan ekonomi tanah daratan.¹¹ Pembangunan ekonomi tanah daratan dilakukan untuk mendapatkan bekalan bahan mentah seperti getah, bijih timah dan minyak bagi memenuhi keperluan revolusi industri yang berlaku di negara-negara Barat.¹² Bidang-bidang pertanian, perlombongan dan pembuatan kemudiannya berkembang pesat di wilayah-wilayah bekas kerajaan maritim.

Pemerintahan penjajah telah mewujudkan petempatan-petempatan baru di daratan dan membina serta mengembangkan sistem pengangkutan darat. Petempatan-petempatan baru ini kemudiannya menjadi pusat pertumbuhan ekonomi dan juga pusat-pusat urban. Perkembangan ekonomi di tanah daratan telah menyebabkan kerajaan-kerajaan maritim yang musnah akibat serangan kuasa-kuasa Barat terus lumpuh. Kota-kota kerajaan maritim yang umumnya terletak di kampung-kampung air mula terpinggir dengan sendirinya dan wujud sebagai sebuah kawasan yang 'terasing'.

Sehingga ke hari ini, petempatan kampung-kampung air yang masih wujud tidak lagi menjadi tempat tinggal bagi golongan bangsawan atau aristokrat yang mengawal sistem pentadbiran sesebuah kerajaan maritim dan mengendalikan perdagangan di peringkat antarabangsa. Sebaliknya, kampung-kampung air menjadi tempat tinggal golongan yang terlibat dalam ekonomi pinggir seperti nelayan-nelayan artisanal, peniaga-peniaga kecil, penambang-penambang dan pembuat-pembuat bot.¹³

Keadaan di atas berlaku di kebanyakan petempatan kampung air di Pulau Borneo. Antaranya adalah di petempatan kampung-kampung air daerah Limbang, Sarawak. Kampung-kampung air di daerah tersebut bukan sahaja menjadi tempat tinggal golongan yang terlibat dalam ekonomi pinggir, malah ia dianggap sebagai kawasan setinggian yang tidak dapat dimajukan. Kawasan tersebut dikatakan menimbulkan banyak masalah seperti kawasan kotor yang menyebabkan pencemaran air serta penyakit berjangkit. Rumah-rumah di kampung air yang secara umumnya dibina rapat-rapat boleh menyebabkan kemusnahan teruk apabila berlaku kebakaran.

Keadaan dan tanggapan di atas menyebabkan pihak Kerajaan Negeri Sarawak bertindak untuk menghapuskan kampung-kampung air di daerah Limbang. Penduduk kampung-kampung air akan dipindahkan ke kawasan petempatan baru di

darat. Kerajaan berpendirian kawasan-kawasan tersebut kemudiannya akan dibangunkan sebagai pusat-pusat perdagangan, perniagaan, rekreasi dan pelancongan yang lebih menguntungkan.¹⁴

TABURAN PETEMPATAN KAMPUNG AIR DI DAERAH LIMBANG

Limbang berkeluasan 7,790.0 km persegi terletak di Bahagian Kelima Sarawak terdiri daripada daerah Limbang dan daerah Lawas. Lokasi Limbang berada di timur laut Negeri Sarawak.¹⁵ Daerah Limbang mempunyai keluasan 3,978.1 km persegi (51.1%), manakala daerah Lawas 3,811.9 km persegi (48.9%). Kedudukan daerah Limbang sebenarnya diapit oleh Negara Brunei Darussalam.

Penduduk daerah Limbang pada tahun 2001 berjumlah seramai 40,108 orang.¹⁶ Daripada jumlah tersebut seramai 12,141 (30.27%) merupakan orang Melayu Brunei, 9,867 (24.6%) Iban, 6,603 (16.46%) Bisaya, 2,202 (5.49%) Murut, 1,089 (2.72%) lain-lain bumiputra, 412 (1.02%) Kelabit dan 280 (0.6%) Punan. Sementara itu bagi kaum bukan bumiputra pula terdiri daripada orang Cina seramai 8,555 (21.33%) dan lain-lain 48 (0.12%).¹⁷ Sebilangan besar penduduk bukan bumiputra tinggal di Bandar Limbang. Manakala penduduk bumiputra mendiami kawasan pedalaman dan petempatan kampung-kampung air.

Daerah Limbang pada masa kini mempunyai sebanyak 35 buah kampung air yang dihuni oleh seramai 7,240 orang penduduk. Bilangan penduduk kampung air ini merupakan 18.1% daripada keseluruhan penduduk daerah Limbang. Daripada jumlah tersebut seramai 5,207 (71.9%) orang merupakan kaum Melayu Brunei, 1082 (15.0%) orang kaum Murut dan bakinya 951 (13.1%) orang adalah kaum Bisaya.¹⁸ Nama-nama kampung air di daerah Limbang pada tahun 2001 ditunjukkan dalam Jadual 1.

Berdasarkan Jadual tersebut, didapati saiz kampung-kampung air adalah kecil. Secara umumnya sebuah kampung air mempunyai bilangan penduduk kurang daripada 300 orang, kecuali KSK seramai 1,020 orang, Kampung Pengkalan Jawa 450 orang, Kampung Bukit Kota 337 orang, Kampung Limpaong 322 orang, Kampung Limpaku Pinang 319 orang dan Kampung Bangkuati 315 orang.¹⁹

Dari segi lokasi, didapati sebanyak dua buah (5.7%) kampung air terletak di bahagian muara Sungai Limbang, empat buah (11.2%) kampung berhampiran dengan Bandar Limbang, 16 buah (45.7%) kampung di bahagian tengah Sungai Limbang dan tujuh buah (20.0%) kampung di hulu Sungai Limbang. Sementara itu terdapat sebanyak sebuah (2.9%) kampung air terletak di Sungai Berawan dan empat buah (11.2%) kampung lagi terletak di Sungai Lubai. Sungai Berawan dan Sungai Lubai merupakan cawangan kepada Sungai Limbang.

Kampung-kampung air yang terletak di sepanjang Sungai Limbang dan cawangannya berada di bawah garisan kontur 25 meter.²⁰ Keadaan ini terjadi kerana kawasan tebing sungai daerah Limbang merupakan kawasan tanah rendah yang landai. Manakala kawasan tanah tinggi di daerah tersebut terletak di bahagian pedalaman antaranya termasuklah Bukit Mas, Bukit Bergapur, Bukit Gadong, Bukit Tudokmang, Bukit Bidang, Bukit Limpasong, Bukit Brayon, Bukit Kemauh dan Bukit

Jadual 1: Bilangan Kampung Air Di Daerah Limbang Tahun 2001

Bil.	Nama Kampung	Jumlah Penduduk	Jenis Pengangkutan	Jarak Dari Pekan/Bandar	Kaum Yang Mendominasi
1	Lubok Piasau	86	Sungai	1 jam	Melayu Brunei
2	Telahak	246	Sungai	1 jam	Melayu Brunei
3	Lubok Sigantang/Aur	200	Sungai	1 jam 20 minit	Melayu Brunei
4	Merasam/Bumbun	84	Sungai	44 km	Melayu Brunei
5	Binjai	109	Sungai	1 jam	Melayu Brunei
6	Limpaong	322	Darat/Sungai	1 km	Melayu Brunei
7	Pemukat	236	Darat/Sungai	0.5 km	Melayu Brunei
8	Limpaku Pinang	319	Sungai	12 km	Melayu Brunei
9	Bukit Kota	337	Darat/Sungai	1.5 km	Melayu Brunei
10	Belantak	52	Sungai	12 km	Melayu Brunei
11	Ulak	221	Sungai	12 km	Melayu Brunei
12	Lupak Rangas	130	Sungai	45 minit	Melayu Brunei
13	Gadong	249	Sungai	50 minit	Melayu Brunei
14	Mengatai	148	Sungai	45 minit	Melayu Brunei
15	Buangabai	259	Sungai	30 minit	Melayu Brunei
16	Pendam	250	Sungai	50 minit	Melayu Brunei
17	Lubok Pangi	97	Sungai	45 minit	Melayu Brunei
18	Sengkarai	64	Sungai	50 minit	Melayu Brunei
19	Pengkalan Rejab/Ayu	262	Sungai	30 minit	Melayu Brunei
20	Seberang Kedai	1020	Sungai	5 minit	Melayu Brunei
21	Kg. Baru/Kuala Berawan	195	Sungai	10 minit	Melayu Brunei
22	Melagong/Remuyu/Geruyu	25	Sungai	1 jam	Melayu Brunei
23	Kelapa Mawar/Sg. Cina	246	Sungai	45 minit	Melayu Brunei
24	Merambut	50	Sungai	Tiada data	Melayu Brunei
25	Tg. Ungar/Luagan Piasau	198	Sungai	28.5 km	Bisaya
26	Ulu Merasam	81	Sungai	2 1/2 jam	Bisaya
27	Pengkalan Jawa	458	Sungai	Tiada data	Bisaya
28	Bambangan Beraong	214	Darat/Sungai	42 km	Bisaya
29	Bangkuati	315	Darat/Sungai	14 km	Murut
30	Sepangeh	60	Sungai	40.5 km	Murut
31	Liang Datu	113	Sungai	40.5 km	Murut
32	Bukit Impas	181	Sungai	45 minit	Murut
33	Pundut	148	Sungai	30 minit	Murut
34	Long Serangan	118	Darat/Sungai	1 jam	Murut
35	Tubai Baru	147	Darat/Sungai	1 jam	Murut

Sumber: Disusun semula daripada, "Profail Daerah Limbang Negeri Sarawak," Pejabat Daerah Limbang, Limbang, 2001, hal. 3-7.

Sagan yang menjadi punca sungai dan anak-anak sungai di daerah Limbang.

Bahagian tebing Sungai Limbang mempunyai dasar yang landai telah memudahkan penduduk untuk mendirikan rumah-rumah atas air di kawasan berkenaan. Selain keperluan terhadap sumber air dan protein ikan, penduduk daerah Limbang memilih untuk mendirikan petempatan atas air kerana bergantung kepada sungai sebagai sistem pengangkutan utama. Keadaan tersebut disebabkan pembangunan dan perkembangan jalan darat di daerah tersebut masih lagi di peringkat minima terutamanya di kawasan pedalaman. Satu perkara penting, pengangkutan sungai turut menjadi laluan utama penduduk kampung-kampung air di daerah Limbang untuk keluar-masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Ciri-ciri fizikal kampung-kampung air yang terletak di bahagian muara hingga bahagian tengah Sungai Limbang agak berbeza dengan kampung-kampung air yang terletak di bahagian hulu sungai tersebut. Kampung-kampung air yang terletak di bahagian muara dan tengah Sungai Limbang mempunyai rumah-rumah yang didirikan di atas air. Semasa air sungai pasang tiang-tiang rumah akan ditenggelami air sedalam lima hingga enam kaki. Ketika air sungai surut tiang-tiang di bahagian hadapan rumah yang menganjur ke sungai akan ditenggelami air cetek berkedalaman antara dua hingga tiga kaki. Tetapi tiang-tiang di bahagian belakang rumah tidak ditenggelami air sehingga menampakkan bahagian yang berlumpur.

Secara keseluruhannya, kawasan tebing sungai di bahagian muara dan tengah Sungai Limbang ditumbuhi hutan paya yang lebar. Bagaimanapun kawasan hutan paya tersebut boleh ditebusguna untuk dijadikan kawasan pertanian. Oleh yang demikian, penduduk kampung-kampung air di kawasan ini mengusahakan tanaman sayur-sayuran dan padi sawah di tanah yang agak berhampiran dengan rumah mereka.

Sebaliknya di bahagian hulu Sungai Limbang, kebanyakan rumah-rumah kampung air didirikan di tebing-tebing sungai. Hanya tiang-tiang di bahagian pantaran rumah yang menganjur ke sungai atau tiang-tiang jeti kayu yang bersambung terus dengan bahagian pantaran rumah akan berada di air sama ada semasa air pasang atau surut. Ciri petempatan sebegini terjadi kerana kawasan tebing sungai di bahagianhulu merupakan tanah tebing yang agak tinggi dan keras. Di kawasan tanah tebing ini amat sesuai dijadikan kawasan pertanian untuk tanaman tahun seperti rambutan, cempedak, langsung dan durian atau tanaman kontan seperti pisang, jagung dan ubi keledak. Dalam pada itu, kebanyakan petani yang tinggal di kampung air ini turut memelihara ternakan terutamanya kerbau dan kambing.

POLA PETEMPATAN KAMPUNG AIR DI DAERAH LIMBANG

Pola petempatan kampung-kampung air yang terdapat di daerah Limbang pada masa kini dapat dibahagikan kepada dua iaitu petempatan berjajar padat dan petempatan berjajar kurang padat. Pembahagian pola petempatan kampung-kampung air di daerah Limbang dapat dilihat dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Pola Petempatan Kampung-kampung Air di Daerah Limbang

Bil.	Nama Kampung	Nama Sungai	Lokasi	Pola Petempatan
1	Bambangan/Beraong	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Kurang Padat
2	Bangkuati	Sg. Limbang	Tebing	Berjajar Kurang Padat
3	Belantak	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
4	Binjai	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
5	Buang Abai	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
6	Bukit Impas	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
7	Bukit Kota	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
8	Gadong	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Kurang Padat
9	Kampung Baru/Berawan	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
10	Kelapa Mawar/Sg. Cina	Sg. Lubai	Atas air	Berjajar Kurang Padat
11	Liang Datu	Sg. Limbang	Tebing	Berjajar Kurang Padat
12	Limpaku Pinang	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
13	Limpaong	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
14	Long Serangan	Sg. Limbang	Tebing	Berjajar Kurang Padat
15	Lubok Pangi	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
16	Lubok Piasau	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
17	Lubok Sigantang/Aur	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
18	Lupak Rangas	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
19	Melagong/Remuyu/geruyu	Sg. Lubai	Tebing	Berjajar Kurang Padat
20	Mengatai	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
21	Merambut	Sg. Lubai	Atas air	Berjajar Kurang Padat
22	Merasam/Bumbun	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
23	Penukat	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
24	Pendam	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
25	Pengkalan Jawa	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
26	Pengkalan Rejab/Ayu	Sg. Berawan	Atas air	Berjajar Padat
27	Pundut	Sg. Lubai	Atas air	Berjajar Kurang Padat
28	Seberang Kedai	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
29	Sengkarai	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
30	Sepangeh	Sg. Limbang	Tebing	Berjajar Kurang Padat
31	Tg. Ungar/Loagan Piasau	Sg. Limbang	Tebing	Berjajar Kurang Padat
32	Telahak	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
33	Tubai Baru	Sg. Limbang	Tebing	Berjajar Kurang Padat
34	Ulak	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat
35	Ulu Merasam	Sg. Limbang	Atas air	Berjajar Padat

Petempatan Berjajar Padat

Sebanyak 23 buah (65.7%) kampung air di daerah Limbang mempunyai ciri petempatan berjajar padat. Kesemua petempatan berjajar padat terletak di Sungai Limbang kecuali sebuah di Sungai Berawan. Taburan petempatan berjajar padat ini bermula dari bahagian muara hingga ke bahagian tengah Sungai Limbang. Rumah-rumah di petempatan berjajar padat dibina berjajar di sepanjang tebing sungai yang landai dan berlumpur. Keseluruhan rumah-rumah ini dibina di atas air.

Kesemua rumah di petempatan berjajar padat dibina dalam bentuk sebuah-sebuah dan berjajar selapis atau dua lapis. Keadaan ini terjadi kerana pembinaan rumah-rumah di sepanjang tebing sungai berkembang sama ada ke bahagian kanan atau kiri. Corak perkembangan sedemikian rupa terjadi kerana bahagian belakang rumah merupakan kawasan paya manakala bahagian hadapan rumah pula adalah dasar sungai yang dalam.

Walaupun rumah-rumah didirikan dalam bentuk sebuah-sebuah, jarak antara sebuah rumah dengan rumah yang lain adalah rapat berjarak lebih kurang lima kaki. Oleh kerana jarak yang rapat, setiap buah rumah disambungkan dengan titian selebar empat kaki. Titian tersebut dibina pada bahagian hadapan rumah yang menghadap ke sungai dan bersambung terus dengan bahagian serambi atau pantaran rumah. Keadaan ini menyebabkan rumah-rumah di kampung air yang berciri petempatan berjajar padat kelihatan seperti sebuah rumah panjang. Satu contoh petempatan berjajar padat adalah Kampung Seberang Kedai sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambar 1.


Di petempatan berjajar padat, sungai merupakan sistem pengangkutan penting dan sebilangan besar penduduk masih melakukan pekerjaan berasaskan ekonomi maritim. Dengan demikian setiap buah rumah akan mempunyai jeti kayu. Jeti kayu ini dibina menganjur ke sungai dan bersambung terus dengan titi utama. Selain digunakan untuk turun naik ke bot, bagi keluarga nelayan jeti kayu tersebut turut digunakan untuk mendaratkan hasil tangkapan.

Bersebelahan jeti kayu tersebut kebiasaanya dibina bangsal yang dijadikan garaj bot. Bot-bot kepunyaan tuan rumah atau ahli keluarga tuan rumah akan ditambatkan pada tiang bangsal berkenaan. Selain itu, bangsal juga berfungsi sebagai tempat untuk menyimpan perkakas menangkap ikan, minyak enjin dan alat-alat ganti.²¹

Petempatan Berjajar Kurang Padat

Petempatan berjajar kurang padat didapati di 12 buah (34.3%) kampung air. Daripada jumlah tersebut sembilan buah kampung air terletak di Sungai Limbang dan tiga buah lagi di Sungai Lubai. Rumah-rumah di petempatan berjajar kurang padat juga dibina secara berjajar selapis atau dua lapis di sepanjang tebing sungai. Didapati lima buah kampung air yang bercorak sebegini mempunyai rumah-rumah yang dibina di atas air, manakala tujuh buah kampung air lagi mempunyai rumah-

Gambar 1: Rumah-rumah Berjajar Padat Di Kampung Seberang Kedai



rumah yang dibina di atas tebing.

Petempatan berjajar kurang padat di tebing sungai terjadi kerana kebanyakan penduduk mempunyai tanah pertanian berkeluasan di antara satu hingga dua ekar. Rumah-rumah dibina di atas tanah masing-masing. Oleh yang demikian, jarak di antara sebuah rumah dengan rumah yang lain adalah jauh. Memandangkan jarak yang jauh, tidak terdapat titian yang dibina untuk menghubungkan rumah-rumah tersebut.

Penduduk di petempatan berjajar kurang padat mengusahakan tanaman seperti kelapa, getah, padi, sagu dan pisang. Dalam pada itu, sebilangan besar daripada mereka menjadikan pekerjaan nelayan sebagai sampingan. Oleh kerana sungai juga menjadi sistem pengangkutan yang amat penting di kawasan ini, penduduk lebih gemar membina rumah di bahagian tebing sungai.

MORFOLOGI PETEMPATAN KAMPUNG AIR DI DAERAH LIMBANG

Di petempatan kampung-kampung air daerah Limbang, setiap buah kampung air terdapat sekurang-kurangnya sebuah jeti utama yang menjadi tempat penduduk kampung air memulakan aktiviti harian mereka. Bersebelahan jeti utama biasanya terdapat sebuah pondok menunggu bot yang berfungsi sebagai terminal penumpang di mana penduduk kampung air akan menunggu bot-bot tambang yang membawa penumpang secara ulang-alik antara kampung air tersebut dengan Bandar Limbang. Secara umumnya jeti dan pondok menunggu bot tersebut dibina atas sumbangan dan kerjasama penduduk kampung air itu sendiri.

Kedudukan jeti utama dan pondok menunggu bot kebiasaannya terletak di tengah-tengah kampung air iaitu di hadapan deretan rumah-rumah lama milik penduduk asal kampung air tersebut. Ini kerana, jeti utama dan pondok menunggu bot dari segi pembinaannya telah diasaskan oleh penduduk asal kampung air berkenaan. Ia dibina di tengah-tengah kampung air bagi membolehkan seluruh penduduk menggunakan kemudahan tersebut. Bagi kampung-kampung air yang berhampiran dengan Bandar Limbang, jeti ini biasanya dibina menghadap bandar tersebut. Ini bertujuan untuk memudahkan penduduk kampung air yang terlibat dengan aktiviti ekonomi di Bandar Limbang khususnya di Pasar Tamu Limbang untuk berulang-alik.

Selang beberapa rumah, arah ke sebelah kiri dari jeti utama terdapat surau yang menjadi tempat penduduk kampung air menjalankan aktiviti keagamaan. Di petempatan kampung-kampung air, khususnya petempatan berjajar padat, surau merupakan bangunan yang paling besar dalam sesebuah kampung air. Surau secara umumnya terletak di tengah-tengah kampung air iaitu sebaris dengan deretan rumah-rumah penduduk kampung. Surau dibina hasil kerjasama penduduk kampung air dengan pihak kerajaan tempatan. Dalam hal ini, penduduk kampung air memberi sumbangan tenaga kerja, manakala kerajaan tempatan memberi bantuan bahan binaan.

Tidak jauh dari surau biasanya akan terdapat gelanggang permainan yang

terdiri daripada sebuah gelanggang badminton dan sebuah gelanggang sepaktakraw. Anak-anak muda kampung air akan bermain di gelanggang ini hampir setiap petang secara suka-suka atau menjalani latihan. Gelanggang permainan di kampung air tidak digunakan untuk acara pertandingan. Jika ada sesuatu pertandingan, anak-anak muda kampung air akan bermain di gelanggang yang terletak di Dewan Suarah, Bandar Limbang. Gelanggang permainan di kampung air secara umumnya dibina hasil kerjasama penduduk kampung air dengan pihak kerajaan tempatan.

Selang beberapa buah rumah, arah ke sebelah kanan dari jeti utama akan terdapat beberapa buah gerai runcit untuk kemudahan penduduk kampung air membeli barangan keperluan dapur. Secara umumnya sebuah kampung air mempunyai antara tiga hingga enam buah gerai runcit. Gerai-gerai runcit ini dimiliki dan diusahakan oleh penduduk kampung air berkenaan. Kedudukan gerai runcit biasanya terletak berhadapan atau bersebelahan dengan rumah pemiliknya. Ia dibina sendiri oleh pemilik gerai tersebut dengan menggunakan modal sendiri. Pada masa kini, Kerajaan Malaysia di bawah rancangan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) turut memberi bantuan dari segi kursus dan modal permulaan sebanyak RM1,000 kepada penduduk kampung air yang mengusahakan gerai runcit.

Bersebelahan gerai runcit biasanya terdapat gerai menjual minyak enjin bot dan menjual air batu untuk kemudahan para nelayan. Setiap pagi sebelum turun ke laut nelayan-nelayan akan mendapatkan bekalan minyak dan air batu dari gerai-gerai ini. Gerai menjual minyak enjin bot dan air batu juga dimiliki serta diusahakan oleh penduduk tempatan. Kedudukan gerai-gerai ini juga berhadapan dengan rumah pemiliknya.

Selang beberapa buah rumah dari gerai-gerai di atas terdapat bengkel-bengkel baikpulih bot dan enjin bot. Bengkel-bengkel ini juga dimiliki dan diusahakan oleh penduduk setempat. Kedudukan bengkel-bengkel ini juga berhadapan dengan rumah-rumah pemilik bengkel berkenaan. Penduduk kampung air akan mendapatkan perkhidmatan baikpulih bot dan enjin bot di bengkel-bengkel ini sekiranya terdapat kerosakan pada bot atau enjin bot mereka.

Di kampung-kampung air berjajar padat, khususnya yang terletak berhampiran dengan Bandar Limbang, di hujung kampung akan terdapat kawasan menambat bot-bot laju milik penambang-penambang setempat. Bot-bot laju ini digunakan untuk mengangkut penumpang secara ulang-alik antara Bandar Limbang dengan Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Di kawasan menambat bot ini terdapat sebuah bengkel baikpulih bot dan enjin bot milik pengusaha tempatan.

Sebilangan besar penduduk kampung-kampung air daerah Limbang berkemahiran dalam membuat bot khususnya bot laju yang diperbuat daripada kayu. Satu ciri yang nyata di kampung-kampung air daerah Limbang, bengkel-bengkel membuat bot terletak bertaburan di sepanjang kampung air berkenaan. Bengkel-bengkel membuat bot ini biasanya didirikan di hadapan rumah para pemiliknya.

Perlu dijelaskan, kampung-kampung air daerah Limbang secara umumnya tidak mempunyai masjid. Pada hari Jumaat penduduk kampung-kampung air akan menunaikan solat Jumaat di masjid-masjid yang dibina di daratan. Ini kerana di

kawasan petempatan kampung air khususnya petempatan berjajar padat, pihak kerajaan tidak menggalakkan masjid didirikan di kawasan yang tidak ada hak milik tanah atau setingan. Bagi kawasan petempatan berjajar kurang padat pula, walaupun sebilangan penduduk mempunyai hak milik tanah, masjid tidak dibina kerana tidak mempunyai bilangan penduduk yang mencukupi untuk membuat jemaah yang seramai sekurang-kurangnya 40 orang. Sekiranya berlaku kematian di kalangan penduduk kampung air, jenazah akan dikebumikan di tanah perkuburan yang terletak di daratan.

Kampung-kampung air daerah Limbang juga tidak mempunyai balai raya. Dengan demikian mesyuarat bulanan JKKK kebiasaannya diadakan di rumah Ketua Kampung atau salah seorang Ahli JKKK. Sementara itu kegiatan-kegiatan kemasyarakatan yang berhubung dengan keilmuan dan keagamaan diadakan di surau atau di rumah-rumah penduduk kampung tertentu. Kegiatan-kegiatan belia pula sebahagiannya diadakan di Dewan Suarah yang terletak di Bandar Limbang.

Pejabat pos juga tidak terdapat di kampung-kampung air daerah Limbang. Pejabat pos yang ada terletak di Bandar Limbang. Bagi penduduk kampung-kampung air perkhidmatan pos mempunyai sistemnya yang tersendiri. Posmen akan menyampaikan surat-surat penduduk kampung air kepada penambang-penambang yang menunggu penumpang di Jeti Pasar Tamu Limbang. Penambang-penambang akan membawa surat-surat tersebut untuk disampaikan kepada tuan punya surat berkenaan yang dikenali semasa menghantar penumpang ke kampung-kampung air tertentu. Jika pemilik surat tersebut tidak dikenali, surat berkenaan akan dimasukkan ke dalam peti surat yang disediakan khas biasanya terletak di bahagian tengah kampung air tersebut. Posmen akan datang sendiri ke kampung-kampung air sekiranya surat yang dibawa merupakan telegram atau surat berdaftar.

Balai polis juga tidak terdapat di kampung-kampung air daerah Limbang. Balai polis yang ada juga terletak di Bandar Limbang. Penduduk kampung-kampung air akan berurusan dengan pihak polis sekiranya berlaku kes-kes jenayah seperti kecurian, rompakan dan pergaduhan. Mereka juga akan berurusan dengan pihak polis untuk melaporkan kematian.

Selain balai polis, balai bomba juga tidak terdapat di kampung-kampung air daerah Limbang. Balai Bomba dan Penyelamat juga terletak di Bandar Limbang. Keadaan ini menyebabkan jika berlaku kebakaran di kampung-kampung air, pihak bomba tidak dapat bertindak dengan segera. Oleh kerana rumah-rumah di kampung air daerah Limbang khususnya di petempatan berjajar padat dibina rapat-rapat, kebakaran boleh merebak dengan cepat dan mengakibatkan kebakaran seluruh rumah di kampung air itu. Pihak pemerintah menjadikan ini sebagai satu alasan untuk memindahkan penduduk kampung air ke petempatan tanah daratan.

Di kampung-kampung air daerah Limbang juga tidak terdapat klinik desa. Untuk mendapatkan perkhidmatan dan rawatan kesihatan penduduk kampung air perlu pergi ke Bandar Limbang. Di Bandar Limbang, terdapat pusat kesihatan kerajaan yang terdiri daripada sebuah klinik ibu dan kanak-kanak, dua buah klinik desa, dua buah pusat kesihatan umum dan empat buah klinik pergigian. Dalam pada itu, terdapat sebanyak empat pusat kesihatan swasta yang turut beroperasi di bandar

tersebut.²²

Keadaan di petempatan kampung-kampung air daerah Limbang di atas amat berbeza dengan petempatan Kampung Ayer Brunei Darussalam (KABD). Petempatan kampung-kampung air daerah Limbang merupakan sebuah petempatan yang tidak diktiraf oleh pihak kerajaan tetapi KABD adalah sebaliknya. Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah membina pelbagai kemudahan awam di KABD. Pada masa kini KABD telah dilengkapi dengan kemudahan sekolah, masjid, klinik, balai bomba, balai polis, stesyen minyak, tempat pembuangan sampah-sarap dan lain-lain.

Selain usaha meningkatkan taraf petempatan kampung air tradisional, Kerajaan Negara Brunei Darussalam juga telah mewujudkan taman perumahan di air di mana rumah-rumah dibina menggunakan bahan binaan, memiliki saiz, rekabentuk dan senibina yang sama. Usaha ini dilakukan untuk menyusun dan mengindahkan petempatan kampung-kampung air. Kerajaan Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha untuk mengekalkan jati diri orang-orang Melayu Brunei yang sebilangan besarnya tinggal di KABD. Usaha Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang berterusan dalam meningkatkan taraf hidup orang-orang Melayu Brunei di KABD patut dicontohi oleh kerajaan-kerajaan Asia Tenggara yang lain dalam membangun dan memajukan petempatan kampung-kampung air di negara mereka.

SAIZ, REKABENTUK DAN SENIBINA RUMAH

Untuk melihat saiz, rekabentuk dan senibina rumah di kampung air secara terperinci, perbincangan dalam bahagian ini akan berdasarkan kepada rumah-rumah yang terdapat di KSK. Terdapat sebanyak 104 buah rumah dibina di kampung air tersebut. Daripada jumlah itu, sebanyak 95 buah (91.3%) rumah adalah milik suku kaum Melayu Brunei. Selebihnya sebanyak lima buah (4.8%) rumah milik kaum Cina dan empat buah (3.8%) rumah lagi milik kaum Iban. Ini menunjukkan KSK adalah petempatan orang-orang Melayu Brunei.²³

SAIZ RUMAH

Rumah-rumah di KSK sebilangan besarnya (70%) mempunyai saiz yang luas. Secara purata sebuah rumah mempunyai saiz berukuran 100 kaki panjang X 50 kaki lebar. Ini menunjukkan dari segi saiz rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK menyamai saiz rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD.²⁴ Rumah-rumah bersaiz besar terdiri daripada rumah-rumah lama yang berusia lebih 20 tahun. Kebanyakan rumah tersebut sudah kerap kali diubahsuai atau ditokok tambah.

Selain di atas, terdapat sebanyak 21 buah (20%) rumah mempunyai saiz yang sederhana berukuran 60 kaki panjang x 30 kaki lebar. Rumah-rumah ini sebilangannya merupakan rumah-rumah lama berusia lebih 20 tahun dan sebilangan lagi adalah rumah-rumah yang belum begitu lama berusia lebih 10 tahun. Bagi

rumah-rumah lama kebanyakannya juga telah diubahsuai atau ditokok tambah.

Selebihnya sebanyak 10 buah (10%) rumah di KSK adalah rumah-rumah bersaiz agak kecil berukuran 40 kaki panjang x 30 kaki lebar. Rumah-rumah ini sebilangan besarnya berusia tidak lebih 10 tahun dan belum pernah diubahsuai atau ditokok tambah.

Saiz rumah-rumah di KSK bergantung kepada jumlah bilik yang terdapat di dalam rumah tersebut. Majoriti (80.8%) rumah di KSK mempunyai bilik tidur di antara tiga hingga enam buah. Selebihnya sebanyak 6.8% rumah mempunyai bilangan bilik tidur antara tujuh hingga 10 buah. Manakala 12.5% rumah sahaja yang memiliki bilik tidur antara sebuah hingga dua buah. Bilangan bilik tidur yang banyak terjadi kerana orang-orang Melayu Brunei di KSK mengamalkan keluarga besar. Ini terbukti apabila didapati sebanyak 26% rumah dihuni oleh sebanyak dua keluarga, 16.3% tiga keluarga, 1.9% empat keluarga dan 1.9% lima keluarga.

REKABENTUK RUMAH

Rekabentuk rumah orang-orang Melayu Brunei KSK secara keseluruhan berbentuk segiempat tepat atau segiempat bujur. Rekabentuk sedemikian ada persamaannya dengan rekabentuk rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD. Gambar Rajah 1 di bawah menunjukkan pelan pandangan atas sebuah rumah yang berukuran 100 kaki panjang x 50 kaki lebar. Berdasarkan pelan tersebut, bahagian-bahagian rumah terdiri daripada ruang tamu, ruang tengah, ruang dapur, bilik tidur, bilik rehat, bilik setor, bilik air, tandas dan serambi. Bahagian hadapan rumah dibina pantaran dan jeti.


Ruang tamu merupakan bahagian yang dianggap paling penting dalam rumah orang-orang Melayu Brunei KSK. Ini kerana ruang tamu merupakan bahagian pertama yang akan dilihat sekiranya rumah tersebut dikunjungi oleh saudara-mara atau jiran tetangga. Ruang tamu juga menjadi tempat untuk memperlihatkan kemampuan penghuni rumah berkenaan. Oleh itu, bahagian ruang tamu mempunyai saiz yang luas dan dibuat lebih menarik berbanding bahagian-bahagian lain.

Berdasarkan pelan pandangan atas rumah orang-orang Melayu Brunei KSK di atas, bahagian ruang tamu rumah adalah berbentuk L. Bentuk L terjadi kerana secara umumnya rumah mempunyai serambi di salah satu bahagian hujung rumah tersebut. Dari segi keluasan, ruang tamu biasanya berukuran 25 kaki panjang x 12 kaki lebar.

Bahagian atas ruang tamu dipasang siling asbestos yang mempunyai corak-corak menarik. Bahagian dinding dalam ruang tamu ditutup dengan papan lapis yang mempunyai corak dan jalur yang cantik. Bahagian lantai ruang tamu dilapisi tikar getah pelbagai corak dan warna yang terang. Lapisan tikar getah tersebut dihampar dengan permaidani sederhana tebal atau tebal yang bercorak bunga-bunga. Set kerusi atau set sofa diletakkan di atas permaidani berkenaan.

Bahagian ruang tamu bersambung terus dengan ruang tengah yang menghubungkan ruang tamu dengan ruang dapur. Saiz ruang tengah adalah ditentukan

Gambar Rajah 1: Plan Pandangan Atas Rumah Orang Melayu Brunei Di Kampung Air
Kampung Seberang Kedai, Limbang



oleh bilangan bilik dalam rumah. Bahagian atas ruang tengah dipasang siling asbestos berwarna putih. Manakala bahagian lantai ditutupi dengan tikar getah. Di bahagian tepi (dinding) ruang tengah ini diletakkan almari hiasan. Di atas almari hiasan tersebut diletakkan set televisyen dan pemain cakera padat untuk kegunaan ahli keluarga dalam rumah itu.

Bahagian ruang dapur kebanyakannya mempunyai saiz berukuran 25 kaki panjang x 12 kaki lebar. Bahagian atas ruang dapur tidak dipasang siling. Sebahagian lantai ruang dapur ditutupi dengan tikar anyaman. Di bahagian ruang dapur terdapat satu atau dua set meja makan. Oleh kerana rumah dihuni oleh lebih dari sebuah keluarga, ruang dapur mempunyai dapur memasak lebih dari satu. Begitu juga peralatan-peralatan lain seperti peti sejuk, mesin basuh, cerek dan periuk elektrik.

Bilik tidur biasanya berukuran 20 kaki panjang x 12 kaki lebar. Bilik-bilik tidur ini umumnya dibina sederet di bahagian sebelah dalam rumah sahaja. Ini bertujuan supaya terdapat ruang yang luas pada bahagian ruang tengah untuk kemudahan ketika tuan rumah mengadakan majlis kenduri-kendara. Ciri sebegini juga menyamai rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD. Tiap-tiap bilik tidur akan dipasang tingkap. Dengan demikian rumah-rumah orang Melayu Brunei KSK mempunyai bilangan tingkap yang banyak.

Dinding di bahagian dalam bilik tidur biasanya ditutup dengan papan lapis. Sebilangan rumah mempunyai dinding bilik tidur yang dicat dengan warna kuning air atau putih. Di bahagian atas ruang bilik tidur dipasang siling asbestos berwarna putih. Manakala pada bahagian lantai dilapisi dengan tikar getah pelbagai corak dan warna.

Oleh kerana orang-orang Melayu Brunei KSK mengamalkan keluarga besar, rumah mempunyai sekurang-kurangnya dua buah bilik air dan tandas. Bilik air dan tandas secara umumnya dibina bersebelahan di bahagian tepi rumah di kawasan yang sentiasa berair. Saiz bilik air kebiasaannya berukuran lima kaki panjang x lapan kaki lebar. Saiz tersebut lebih besar berbanding saiz tandas yang kebanyakannya berukuran lima kaki panjang x lima kaki lebar. Ini kerana bilik air juga berfungsi sebagai bilik membasuh pakaian.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, rumah-rumah di KSK mempunyai serambi. Saiz serambi biasanya berukuran 20 kaki panjang x 12 kaki lebar. Bahagian serambi dipasang tangga yang bersambung dengan pantaran. Ini kerana kedudukan lantai serambi selaras dengan lantai rumah, manakala pantaran selaras dengan jeti. Jarak di antara lantai serambi dengan pantaran adalah tiga kaki.

Bahagian pantaran biasanya mempunyai ukuran panjang selaras dengan ukuran lebar rumah. Secara purata pantaran berukuran 50 kaki panjang x 20 kaki lebar. Sebilangan rumah telah memasang bumbung pada bahagian pantaran. Pantaran yang berbumbung biasanya turut dipagari dengan kayu beluti yang dipasang secara berjajar atau bersilang. Di bahagian penjuru pantaran tersebut dibina tempat rehat yang terdiri daripada meja dan bangku kayu yang dibuat sendiri atau oleh penghuni rumah berkenaan. Ampaian untuk menjemur pakaian turut didirikan di bahagian tengah pantaran. Bagi rumah-rumah milik tukang perahu atau bot bahagian

pantaran ini dijadikan sebagai bengkel, tempat menyirat pukat, tempat menjemur ikan kering atau ikan masin dan lain-lain.

Untuk mengindahkan bahagian hadapan rumah, sebilangan penghuni telah meletakkan deretan pokok bunga yang ditanam dalam pasu di bahagian tepi atau penjuru serambi. Perkara yang sama turut dilakukan di sepanjang bahagian tepi pantaran. Pokok-pokok bunga yang ditanam antaranya termasuklah pokok bunga kertas, pokok bunga ros dan pokok bunga matahari. Menanam pokok bunga dalam pasu untuk menghiasi bahagian serambi dan pantaran rumah merupakan satu aktiviti masa lapang yang digemari oleh wanita-wanita Melayu Brunei KSK.

Rekabentuk rumah orang-orang Melayu Brunei KSK adalah ditentukan oleh tiang-tiang rumah. Oleh yang demikian, rumah telah ditentukan rekabentuknya bermula dari peringkat mendirikan tiang lagi. Perlu dijelaskan, kestabilan dan kekuatan rumah-rumah di kampung air adalah bergantung kepada kedudukan tiang-tiang rumah tersebut.

Secara umumnya, sebuah rumah mempunyai tiang di antara 16 hingga 20 batang. Tiang-tiang rumah ini didirikan mengikut ukuran jarak yang dibahagi sama rata bergantung kepada saiz rumah. Kebiasaannya jarak tiang-tiang rumah adalah antara 10 kaki hingga 20 kaki. Paras ketinggian tiang-tiang rumah dari bahagian lumpur hingga ke lantai rumah ditentukan oleh paras ketinggian air sungai pasang. Di KSK, paras air sungai pasang mencecah ketinggian antara lima hingga enam kaki.²⁵

Paras ketinggian tiang dari bahagian lumpur ke bahagian lantai rumah secara purata adalah lapan kaki. Sementara itu, bahagian tiang yang tertanam dalam lumpur kira-kira tiga kaki, manakala ketinggian tiang dari aras lantai rumah hingga ke bahagian penutup adalah sembilan kaki. Dengan itu, rumah-rumah di KSK menggunakan tiang-tiang yang mempunyai ukuran panjang sekurang-kurangnya 20 kaki.

Tiang-tiang rumah juga menentukan perkembangan rumah tersebut. Umpamanya, tuan rumah yang hendak membina bilik tidur tambahan hanya perlu memasang dinding bilik tersebut mengikut tiang-tiang rumah yang sedia ada. Untuk menambahkan bilangan bilik, mereka tidak akan mendirikan tiang-tiang baru dan menyambungkan bahagian yang dibina tersebut dengan rumah lama. Ini kerana, penambahan dengan cara demikian boleh menyebabkan ketidakseimbangan rumah berlaku. Oleh yang demikian, tuan rumah biasanya telah merancang secara teliti pelan pembinaan rumah mereka dengan mengambil kira perancangan-perancangan untuk penambahan bilik atau lain-lain bahagian pada masa akan datang.

Dinding rumah orang-orang Melayu Brunei KSK mempunyai cirinya yang tersendiri. Dinding luar di bahagian kanan dan kiri tingkap rumah dipasang secara melintang, manakala di bahagian atas dan bawah tingkap rumah tersebut dipasang secara menegak. Ciri sebegini sebenarnya lumrah terdapat pada rumah-rumah suku kaum Melayu Brunei yang mendiami kampung-kampung air di tempat-tempat lain.

Rekabentuk dinding di sebelah dalam rumah pula memperlihatkan permukaan yang lebih halus kerana dilapisi dengan papan lapis. Papan lapis ini dipasang secara

menegak keseluruhannya. Ia dipasang demikian kerana mengikut corak dan jalur yang terdapat pada papan lapis berkenaan.

Selain menjadikan bahagian dalam rumah khususnya ruang tamu dan bilik tidur kelihatan lebih kemas dan menarik, papan lapis dipasang untuk menutup ruang-ruang udara yang terdapat di celah-celah dinding bagi membolehkan penghawa dingin dipasang. Untuk mencantikkan lagi dinding dalam rumah, sebahagiannya dilapisi dengan *wall paper* yang mempunyai pelbagai corak dan warna. Sebahagian lagi dicat dengan warna-warna yang cerah seperti putih, hijau muda, biru muda dan kuning air.

Dinding di sebelah luar rumah pula dicat dengan warna yang terang atau warna yang garang. Penduduk kampung air KSK sebilangan besarnya mengecat rumah mereka dengan warna biru, hijau, kuning, coklat, putih, kuning air dan coklat muda.

Dari segi rekabentuk bumbung rumah, ia terdiri daripada tiga jenis iaitu bumbung rumah Melayu atau 'belah bumbung', bumbung 'putong limas' dan bumbung 'rumah tungkup'. Ketiga-tiga jenis bumbung rumah tersebut merupakan rekabentuk bumbung rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD.²⁶ Rekabentuk bumbung rumah Melayu atau 'belah bumbung', 'putong limas' dan 'rumah tungkup' dapat dilihat dalam Gambar Rajah 2, 3 dan 4.


Di KSK, rekabentuk bumbung rumah Melayu atau 'belah bumbung' lebih dominan iaitu sebanyak 76% buah rumah. Hj. Ahmad Jamaluddin²⁷ menjelaskan, rekabentuk bumbung jenis ini lebih mudah dibina dan ia menggunakan bilangan tulang bumbung yang sedikit serta zink yang dipasang tidak perlu dipotong kerana ukurannya telah ditentukan semasa membeli zink berkenaan. Manakala rekabentuk bumbung 'putong limas' sebanyak 22% dan 'rumah tungkup' sebanyak 2.0% menggunakan bilangan tulang bumbung yang lebih dan zink perlu dipotong untuk disesuaikan dengan bahagian 'penyirung'.²⁸ Secara relatif, kos pembinaan bagi bumbung yang menggunakan rekabentuk rumah Melayu atau 'belah bumbung' adalah lebih murah berbanding bumbung 'putong limas' atau 'rumah tungkup'.²⁹

Keseluruhan rumah orang-orang Melayu Brunei KSK menggunakan pintu daun papan. Pintu daun papan terbahagi kepada empat iaitu pintu daun papan biasa (80.8%), pintu daun papan berukir (11.5%), pintu daun papan biasa dengan grill besi (1.9%) dan pintu daun papan berukir dengan grill besi (1.0%). Bagi rumah-rumah yang lebih moden, pintu cermin *sliding door* (1.9%) dan pintu cermin *sliding door* dengan grill besi (2.9%) digunakan. Ini menunjukkan pengaruh rumah moden turut dapat dilihat pada rumah orang-orang Melayu Brunei KSK.


Sebilangan besar pintu daun di atas adalah pintu daun kahwin. Bingkai pintu diperbuat daripada beluti berukuran dua inci tebal x tiga inci lebar. Saiz pintu secara purata berukuran tiga kaki lebar x tujuh kaki tinggi. Daun pintu diperbuat daripada papan lidah yang disusun kemas secara menegak dan dipaku.³⁰

Dari segi tingkap rumah, pada masa kini rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK tidak lagi menggunakan tingkap yang dikenali sebagai 'tabuk bertongkat'.³¹ Didapati sebanyak 76.9% rumah telah menggunakan tingkap cermin nako. Selebihnya menggunakan kombinasi tingkap


Gambar Rajah 2: Rekabentuk Bumbung Rumah Melayu



Gambar Rajah 3: Rekabentuk Bumbung Rumah Puntung Limas



Gambar Rajah 4: Rekabentuk Bumbung Rumah Tungkup



cermin nako dan *sliding window* (6.7%), kombinasi tingkap daun cermin dan tingkap cermin nako (5.8%), tingkap cermin *sliding window* (4.8%), kombinasi tingkap cermin nako dan daun papan (2.9%), tingkap daun papan (1.9%) dan tingkap daun cermin (1.0%). Peratusan ini menunjukkan, berbanding pintu rumah, tingkap rumah lebih memperlihatkan pengaruh rumah-rumah moden seperti yang terdapat pada kebanyakan rumah di daratan.

Bingkai tingkap juga diperbuat daripada kayu beluti berukuran dua inci tebal x tiga inci lebar. Saiz bingkai tingkap secara purata enam kaki lebar x empat kaki tinggi. Oleh kerana kebanyakan rumah menggunakan tingkap cermin nako, bingkai tingkap ini dibahagikan kepada dua atau tiga bahagian. Setiap bahagian akan berukuran dua kaki lebar x empat kaki tinggi atau tiga kaki lebar x empat kaki tinggi. Tingkap rumah umumnya dihiasi dengan langsir-langsir pelbagai corak dan warna yang kebanyakannya memperlihatkan citarasa masyarakat moden.

Sebanyak 94.2% rumah orang-orang Melayu Brunei KSK mempunyai tangga. Tangga dipasang pada bahagian serambi dan bahagian jeti. Pada bahagian jeti, tangga menggunakan jenis kayu keras biasanya kayu belian kerana sebahagian tangga akan berada di air. Tangga bahagian serambi pula menggunakan kayu yang lebih lembut biasanya kayu meranti atau kayu kapur.³²

Ini kerana ia akan ditebuk lubang untuk menempatkan anak-anak tangga yang juga diperbuat daripada jenis kayu yang sama. Saiz beluti biasanya dua inci

tebal x empat inci lebar. Kebiasaannya jumlah anak tangga menggunakan angka yang ganjil seperti tiga dan lima. Anak-anak tangga akan dipasang dengan cara memasukkannya ke dalam lubang yang sudah ditebuk pada kayu tangga.

Lubang di bahagian anak tangga yang paling atas dan yang paling bawah adalah tembus bagi membolehkan hujung anak tangga tersebut terkeluar. Pada hujung anak tangga yang terkeluar itu dipasang pasak supaya tangga tidak terbuka dan bergerak.³³ Pada hari ini teknik penggunaan pasak pada tangga rumah terdapat pada sebilangan kecil rumah sahaja. Ini kerana teknik pemasangan anak tangga pada kayu tangga telah menggunakan paku besi.

Tangga di bahagian jeti menggunakan kayu beluti bersaiz dua inci tebal x tiga inci lebar. Oleh kerana tangga tersebut menggunakan kayu keras, anak-anak tangga dipasang pada kayu tangga dengan menggunakan teknik tanggam lekap. Tanggam tersebut dipaku untuk memastikan setiap bahagian tanggam tidak tercabut. Biasanya tangga di bahagian jeti mempunyai bilangan anak tangga sebanyak lima hingga tujuh anak tangga.³⁴

SENIBINA RUMAH


Senibina rumah orang-orang Melayu Brunei KSK dapat dilihat dari segi ukiran-ukiran rumah. Pada bahagian serambi rumah terdapat ukiran-ukiran dan arca yang berbentuk seperti dom masjid sebagaimana yang dapat dilihat dalam Gambar 2 (Rumah Hj. Mohammad Abu Bakar). Tiang-tiang serambi pula berbentuk silinder atau lapan segi. Tiang serambi mempunyai ukiran-ukiran yang mudah seperti corak bunga-bunga, lilin atau gegelang yang diukir pada bahagian bawah (lantai), bahagian tengah dan bahagian atas tiang tersebut.

Untuk mengindahkan lagi senibina rumah, bahagian serambi turut dipagari dengan kayu beluti berukir yang dipasang secara berjajar atau dipasang secara bersilang seperti huruf 'x'. Pagar ini dikenali sebagai 'pagar ranggalung'.³⁵ Pada bahagian pintu 'pagar ranggalung', tiang pintu biasanya berbentuk silinder atau segi enam. Kepala tiang tersebut diukir dengan ukiran bentuk bulat, segi lapan, dom masjid atau bunga.

Pada dinding serambi tersebut terutamanya di bahagian atas pintu utama masuk ke rumah digantungkan dengan ukiran bertulis 'Assalamualaikum' atau 'Bismillahirrahmanirrahim'. Selain itu, dinding serambi turut digantungkan dengan ayat-ayat al Quran tertentu seperti 'Ayat Kursi', 'Ayat Seribu Dinar', 'Ayat Tiga Kul', 'Surah al-Fatihah', 'Surah al-Wakiah' dan 'Surah Yassin'. Ukiran tulisan di atas bukan semata-mata sebagai hiasan dinding serambi tetapi bertujuan untuk mengingatkan orang yang hendak masuk ke rumah supaya memberi salam atau membaca 'Bismillahirrahmanirrahim' terlebih dahulu sebelum masuk ke rumah. Sementara itu ayat dan surah-surah yang digantung adalah bertujuan untuk menghalang syaitan atau hantu daripada memasuki rumah.

Perkara yang sama turut dilakukan pada bahagian dinding dalam rumah. Bahagian tersebut digantungkan dengan gambar-gambar seperti, Masjidil Haram, Masjid Nabawi, Jabal Rahmah dan gambar umat Islam sedang bertawaf di Ka'bah

**Gambar 2: Senibina Bahagian Serambi Rumah Orang Melayu Brunei Di Kampung Air
Kampung Seberang Kedai Yang Mempunyai Arca Berbentuk Dom Masjid**



atau sedang berwukuf di Padang Arafah. Gambar-gambar ini sebahagian besarnya adalah pemberian saudara-mara yang pulang dari menunaikan fardhu haji.

Bagi rumah pemimpin seperti Ketua Kampung, Pengerusi Surau dan rumah orang-orang berpengaruh, sijil pendidikan, sijil penghargaan serta gambar-gambar bersama orang-orang kenamaan seperti menteri, wakil rakyat dan residen turut digantungkan pada bahagian dinding dalam rumah khususnya di ruang tamu. Selain itu, gambar-gambar ahli keluarga ketika berkumpul, berkelah atau sedang mengadakan majlis hari jadi turut digantungkan bersama-sama ukiran bunga-bunga yang dibingkakan.

Bahagian atas tingkap rumah orang-orang Melayu Brunei juga diukir dengan ukiran bunga-bunga, arca berbentuk seperti bulan separuh atau dom masjid. Sebilangan rumah pula pada bahagian tersebut dipasang tetingkat. Ukiran-ukiran yang sama juga dapat dilihat pada bahagian atas pintu utama dan pintu-pintu bilik. Pada bahagian daun pintu juga terdapat ukiran corak moden. Sebilangan rumah pada pintu berkenaan dipasang grill besi yang mempunyai bentuk bunga-bunga.

Ukiran, tulisan, ayat, surah dan gambar-gambar di atas menggambarkan identiti sebuah rumah orang Islam. Ini menunjukkan rumah orang-orang Melayu Brunei di KSK juga seperti rumah-rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD yang menerapkan unsur-unsur senibina Islam.

PERABOT DAN PERHIASAN RUMAH

Bagi orang-orang Melayu Brunei, perabot dan perhiasan rumah merupakan perkara penting yang perlu disediakan dalam sebuah rumah. Ini kerana perabot dan perhiasan rumah menjadi perkara penting untuk menyambut dan melayani saudara-mara yang datang berziarah. Menurut penduduk kampung, saudara-mara yang datang berziarah perlu diberi layanan yang baik dan kemudahan yang selesa kerana perkara tersebut merupakan perbuatan yang digalakkan oleh Islam.³⁶

Secara purata, setiap rumah memiliki dua set kerusi atau set sofa di bahagian ruang tamu. Set tersebut, satu untuk tetamu lelaki dan satu lagi untuk tetamu perempuan. Pembahagian tetamu lelaki dan tetamu perempuan adalah bertujuan untuk mengelakkan pergaulan di antara kaum lelaki dan kaum perempuan yang bukan muhrim. Perkara ini sebenarnya merupakan adat yang sangat dipentingkan oleh orang-orang Melayu Brunei terutamanya dalam menentukan ruang dalam rumah.³⁷ Menurut Hj. Ibrahim Kadir³⁸, dengan cara tersebut kaum lelaki dapat bercerita atau berbincang tentang hal orang lelaki sahaja begitu juga sebaliknya bagi kaum perempuan.

Set kerusi dan set sofa di atas setiap satu berharga di antara RM800 hingga RM6000. Set tersebut terdiri daripada buatan tempatan dan yang diimport seperti dari Indonesia, Itali dan Amerika Syarikat. Oleh kerana set ini berharga agak mahal ia hanya di gunakan sekali-sekala terutamanya bila menerima kunjungan tetamu. Pada waktu-waktu biasa penduduk KSK lebih gemar berehat di bahagian serambi atau pantaran rumah sambil bersembang dengan ahli keluarga atau jiran tetangga.

Di bahagian serambi, selain dapat menghirup udara segar mereka dapat menikmati pemandangan di Bandar Limbang dan bot-bot yang lalu di Sungai Limbang.

Selain set kerusi dan set sofa, almari hiasan juga diletakkan di bahagian ruang tamu. Almari hiasan ini digunakan untuk mempamerkan koleksi tuan rumah. Di bahagian atas almari tersebut diletakkan perhiasan yang terdiri daripada bekas telur majlis perkahwinan, barang-barang lama, pingat-pingat, model kereta dan gambar-gambar ahli keluarga yang dibingkaikan. Bahagian dalam almari pula diletakkan set pinggan mangkuk yang berharga mahal.

Bagi penggemar ikan hiasan, akuarium bersaiz sederhana atau besar diletakkan di salah satu bahagian penjuru ruang tamu. Bahagian penjuru ruang tamu juga diletakkan pokok-pokok bunga dalam pasu sama ada pokok bunga plastik atau bunga hidup.

Bilik tidur dilengkapi dengan katil, almari pakaian dan meja dandan. Perabot dalam bilik tidur tidak begitu jelas cirinya, kerana ada yang melengkapkannya dengan perabot moden dan ada yang melengkapkannya dengan perabot antik.

Di bahagian ruang dapur, set kerusi makan yang digunakan juga ada yang moden dan ada yang antik. Sebilangannya merupakan perabot yang dibuat sendiri oleh tuan rumah berkenaan. Bahagian dapur rumah-rumah di KSK dilengkapi dengan rak pinggan mangkuk pelbagai bentuk dan warna. Kebanyakan rumah melengkapkan dan menghiasi bahagian dapur dengan kabinet dan almari menyimpan makanan. Selain itu, kabinet tersebut juga digunakan untuk menyimpan dan mempamerkan set pinggan mangkuk yang hanya akan digunakan apabila mengadakan majlis-majlis tertentu dan hari raya. Segala set pinggan mangkuk yang disimpan di dalam kabinet tersebut merupakan barangan berjenama dan berharga mahal seperti *arcopal* dan *arcoroc*.

Keseluruhan suri rumah di KSK telah menggunakan dapur gas dan dapur elektrik untuk memasak. Bagi rumah-rumah yang dihuni oleh lebih satu kelamin, bahagian dapur akan dilengkapi dengan dua atau tiga buah dapur gas dan pelbagai jenis peralatan memasak elektrik. Ini menunjukkan walaupun orang-orang KSK tinggal sebumbung tetapi mereka memasak dan makan secara berasingan.

Orang-orang Melayu Brunei mempunyai kegemaran memakan makanan laut. Mereka kerap melakukan kegiatan membakar ikan, udang, ketam dan lain-lain dengan menggunakan dapur kayu atau dapur arang. Dengan demikian, dapur kayu atau dapur arang secara umumnya terdapat di setiap buah rumah. Selain untuk kegiatan membakar makanan laut, dapur kayu atau dapur arang turut digunakan sebagai alternatif sekiranya kehabisan bekalan gas atau bekalan elektrik di rumah terputus. Perlu dijelaskan, penduduk KSK mendapatkan kayu api daripada ranting-ranting kayu yang banyak hanyut di sungai. Ranting-ranting kayu yang tersangkut pada tiang-tiang rumah atau tiang-tiang jeti sebahagiannya dikutip dan dijemur di bahagian pantaran rumah sehingga benar-benar kering untuk dijadikan kayu api.

Secara umum, perabot dan perhiasan rumah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu Brunei KSK dibeli dari syarikat-syarikat perabot yang beroperasi di Bandar Limbang. Antaranya termasuklah *Teck Wong Furnitures Sdn. Bhd.*, *Tong Seng*

Furnitures, Tat Seng Furnitures Enterprise, Ting Nang Kok Furniture, Soon Lee Furniture Maker dan Tiong Hin Furniture Maker. Manakala peralatan elektrik pula dibeli dari kedai-kedai elektrik yang juga beroperasi di Bandar Limbang seperti *Choo Electrical Company, Lian Star Electrical Store dan Sen Electrical Technology.* Syarikat-syarikat perabot dan peralatan elektrik di atas berkembang pesat di Bandar Limbang kerana menerima permintaan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan.

KESIMPULAN

Kampung-kampung air pada abad ke-17 hingga 18 sebilangan besarnya merupakan pusat-pusat pentadbiran dan perdagangan bagi kerajaan-kerajaan maritim yang agung di rantau ini. Kerajaan-kerajaan maritim tersebut sebilangan besarnya adalah kesultanan-kesultanan Melayu yang menguasai sumber ekonomi laut dan hasil hutan. Pentadbiran kesultanan-kesultanan maritim di atas dikuasai sepenuhnya oleh golongan bangsawan atau aristokrat yang bertindak sebagai pengumpul dan pengedar sumber laut dan hasil hutan bagi wilayah serta jajahan takluk mereka.

Komoditi yang berasaskan sumber laut dan hasil hutan telah didagangkan oleh golongan bangsawan atau aristokrat yang menguasai sesebuah kerajaan maritim kepada kerajaan-kerajaan lain yang terdapat di sekitarnya. Komoditi tersebut juga didagangkan ke peringkat antarabangsa khususnya dengan benua China, India, Timur Tengah dan Eropah. Perdagangan di peringkat setempat, serantau dan antarabangsa telah menjadikan kerajaan-kerajaan maritim sebagai *regional emporium* rantau ini. Selain menjadi pusat perdagangan, kerajaan-kerajaan maritim juga menjadi pusat penyebaran dan perkembangan agama Islam serta pusat pelbagai kemahiran dan kepakaran.

Kuasa-kuasa Barat yang pada mulanya hadir ke pelabuhan-pelabuhan kerajaan maritim untuk berdagang telah merasa cemburu dengan kemakmuran dan kemajuan perdagangan yang dimonopoli oleh golongan bangsawan atau aristokrat. Untuk menguasai perdagangan di wilayah-wilayah kerajaan maritim, kuasa-kuasa Barat kemudiannya mengepung dan menyerang kerajaan-kerajaan maritim tersebut melalui laut. Serangan laut kuasa-kuasa Barat telah mengakibatkan kemusnahan teruk kota-kota maritim yang sebilangan besarnya berpusat di kampung-kampung air. Untuk melumpuhkan terus struktur politik dan pentadbiran kerajaan-kerajaan maritim, kuasa-kuasa Barat kemudiannya mengalihkan tumpuan ekonomi yang berasaskan kelautan kepada ekonomi daratan dan kemudiannya mewujudkan petempatan di daratan. Pemberatan terhadap pembangunan ekonomi tanah daratan telah menyebabkan kampung-kampung air menjadi sebuah petempatan "terpinggir" dengan sendirinya. Kampung air tidak lagi didiami oleh golongan bangsawan atau aristokrat tetapi menjadi tempat tinggal golongan yang terlibat dengan ekonomi pinggir seperti nelayan, penambang bot, peniaga kecil dan pembuat-pembuat bot.

Keadaan kampung-kampung air seperti di atas lumrah terdapat di petempatan kampung-kampung air daerah Limbang pada masa kini. Kampung air di daerah

Limbang majoritinya didiami oleh orang-orang Melayu Brunei. Kampung-kampung air ini terletak di sepanjang Sungai Limbang dari bahagian muara hinggalah ke hulu sungai tersebut. Keadaan tebing Sungai Limbang yang landai dari bahagian muara hingga ke bahagian tengah menyebabkan rumah-rumah di kawasan tersebut keseluruhannya dibina di atas air. Manakala kampung-kampung air yang terletak di bahagian hulu, penduduk mendirikan rumah-rumah di tebing-tebing sungai di mana hanya bahagian pantaran dan jeti sahaja yang berada di air.

Dari segi pola petempatan, kampung-kampung air yang terletak di bahagian muara dan tengah Sungai Limbang adalah berjajar padat. Manakala di bahagian hulu pula berjajar kurang padat. Satu perkara yang jelas rumah-rumah di petempatan berjajar padat dibina di kawasan rezab sungai dimana penduduk tidak memiliki hak milik tanah. Bagaimanapun, kampung-kampung air berjajar padat mempunyai bilangan rumah yang banyak. Penduduk memilih untuk tinggal di kawasan tersebut kerana berhampiran dengan Bandar Limbang. Rumah-rumah dibina secara rapat-rapat kerana orang-orang Melayu Brunei membina rumah tidak jauh dari rumah kaum keluarga mereka. Sementara itu, di kawasan petempatan berjajar kurang padat walaupun penduduk memiliki tanah sendiri dari segi bilangan rumah adalah tidak banyak kerana kawasan tersebut jauh dari Bandar Limbang.

Kampung-kampung air di daerah Limbang khususnya di petempatan berjajar padat merupakan petempatan yang dianggap setinggian oleh pihak pemerintah. Dengan demikian tidak terdapat banyak kemudahan awam yang dibangunkan di kawasan tersebut. Bagi petempatan berjajar padat, walaupun penghuninya memiliki tanah sendiri, pembangunan kemudahan awam juga di peringkat yang amat minima kerana kawasan tersebut jauh dari pusat bandar.

Rumah-rumah di kampung-kampung air daerah Limbang khususnya yang dihuni oleh orang-orang Melayu Brunei mempunyai ciri-ciri seperti rumah orang-orang Melayu Brunei di KABD. Ini dapat dilihat melalui saiz, bahan binaan, rekabentuk dan senibina rumah. Satu perkara yang jelas, rumah-rumah di kampung-kampung air daerah Limbang mempunyai saiz yang besar dan bilangan bilik yang banyak. Ini kerana penduduk kampung-kampung air mengamalkan keluarga besar. Hal ini ada persamaannya dengan penduduk KABD yang juga mengamalkan keluarga besar.

Bahagian dalam rumah orang-orang Melayu Brunei di kampung-kampung air daerah Limbang menunjukkan taraf hidup penghuninya. Penduduk kampung-kampung air daerah Limbang gemar menghiasi dalaman rumah mereka dengan perabot, peralatan elektrik dan perhiasan yang berharga mewah. Ciri ini lebih jelas pada rumah-rumah di petempatan kampung air yang dihuni oleh orang-orang Melayu Brunei. Sebenarnya perkara ini berhubung rapat dengan cara hidup orang-orang Melayu Brunei itu sendiri yang mengamalkan gaya hidup sebagaimana orang-orang Melayu Brunei di KABD.

Pihak kerajaan dalam usaha membangun dan memajukan petempatan kampung-kampung air seharusnya mencontohi Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa berusaha untuk membangun dan memajukan petempatan kampung-

kampung air. Petempatan kampung air jika dibangun dan dimajukan secara terancang bukan sahaja dapat memelihara kemahiran dan kebudayaan penduduk setempat yang boleh menjadi daya tarikan pelancong, malah mampu untuk bangkit menjadi sebuah *aqua city* sebagaimana Bandaraya Venice, Bangkok, Bandar Seri Begawan dan Fukuoka. Pembangunan di kampung-kampung air perlu dilakukan dengan segera sebelum petempatan kampung air hilang dari pandang darat negeri Sarawak amnya dan daerah Limbang khususnya.

NOTAHUJUNG

1 Sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air Di Pulau Borneo: Satu Kajian Perbandingan", Laporan Penyelidikan, Akademik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, November 1998, hal. 1.

2 Ibid.

3 Sila lihat Thomas Forrest, *A Voyage to New Guinea and The Mollucas 1774-1776*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hal. 321.

4 Satu contoh sebuah kerajaan maritim yang agung di rantau ini adalah Kesultanan Sulu di abad ke-18 dan 19. Wilayah Kesultanan Sulu meliputi kawasan seluas kira-kira 1,600 batu persegi yang menganjur dari Pantai Borneo Utara di barat daya hingga ke selatan Pulau Mindanao di timur laut, dan dari Pulau Palawan di barat laut hingga ke utara Kepulauan Sulawesi di tenggara. Untuk penjelasan terperinci tentang Kesultanan Sulu, sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, *Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995, hal. 1-72.

5 Bagi mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam tentang peranan golongan bangsawan atau aristokrat ini, sila lihat Ibid., hal. 4-48.

6 Untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut, sila lihat Anne Lindsey Reber, "The Sulu World in The Eighteenth and Early Nineteenth Centuries: A Historiographical Problem in British Writings on Malay Piracy", Tesis Sarjana, Mikrofilem, Cornell University, 1966, hal. 52.

7 Penjelasan lanjut, sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air Di Pulau Borneo", Op. Cit., hal. 2.

8 Sila lihat Kobkua Suwannathat Pian, *Asia Tenggara: Hubungan Tradisional Serantau*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hal. 42.

9 Mohammad Raduan Mohd. Ariff, *Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang*, Op. Cit., hal. 18.

10 Mohsin Abu Bakar, "Kampung Ayer: Lambang Kemegahan Negara Brunei Darussalam", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), *Kampung Ayer: Warisan, Cabaran dan Masa Depan*

(Kumpulan Esei Yang Pernah Diterbitkan 1970-1996), Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, 1996, hal. 316.

- 11 Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang**, Op. Cit., hal. xxiii.
- 12 Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang usaha pihak barat mendapatkan sumber bahan mentah di rantau ini, sila lihat D.G.E. Hall, **Sejarah Asia Tenggara**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1987, hal. 950-979.
- 13 Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo", Op. Cit., hal. 3.
- 14 Ibid., hal. 5.
- 15 Sila lihat, **Buku Tahunan Perangkaan Sarawak 2000**, Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, Kuching, 2000, hal. 2.
- 16 Sila lihat "Profail Daerah Limbang Negeri Sarawak", Pejabat Daerah Limbang, Limbang, 2001, hal. 2.
- 17 Ibid.
- 18 Ibid., hal. 3-7.
- 19 Ibid.
- 20 Maklumat selanjutnya sila rujuk "Peta Bandar Limbang", Pengarah Pemetaan Negara Malaysia, 1975.
- 21 Untuk penjelasan lanjut sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air Di Pulau Borneo", Op. Cit., hal. 111-112.
- 22 Sila lihat "Profail Daerah Limbang Negeri Sarawak", Op. Cit., hal. 12.
- 23 Perangkaan dan perbincangan seterusnya adalah berdasarkan kerja lapangan yang dijalankan di Kampung Seberang Kedai selama lebih kurang dua bulan iaitu dari 16 Februari hingga 16 Mac 2000 dan 1 April hingga 16 Mei 2001.
- 24 Penjelasan lanjut sila lihat Amaluddin Bakeri, "Hubungan Petempatan Kampung Air Sarawak Dengan Negara Brunei Darussalam: Kajian Kes Di Kampung Seberang Kedai, Limbang", Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002, hal. 124-193.
- 25 Temubual dengan Hj. Tahir Simin. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga ikan di Pasar Tamu Limbang. Beliau juga melakukan pekerjaan menangkap ikan secara sambilan. Temubual diadakan di rumah beliau pada 25 April 2000, jam 3.00 petang.

26 Terdapat sebanyak lima jenis rumah tradisi orang-orang Melayu Brunei di KABD yang dibezakan melalui bumbung rumah. Lima jenis rumah tradisi tersebut adalah 'rumah belah bumbung', 'rumah tungkup', 'rumah loteng', 'rumah putong limas' dan 'rumah belanggar'. Untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang jenis-jenis rumah di KABD sila lihat, Abdul Rahman Al-Ahmadi, **Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi**, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 2000, hal. 192-193. Lihat juga, Ismail Ibrahim, *Op. Cit.*, hal. 82-89.

27 Temubual dengan Hj. Ahmad Jamaluddin. Beliau berusia 77 tahun dan merupakan 'orang lama' di KSK. Bapa beliau adalah salah seorang daripada penduduk awal yang mendiami kampung air tersebut. Sebelum tahun 1990, beliau bekerja sebagai tukang rumah secara sepenuh masa. Pada masa kini beliau telah bersara. Temubual diadakan di rumah beliau pada 09 April 2001, jam 2001, jam 10.30 pagi.

28 Penjelasan lanjut tentang bahagian-bahagian bumbung 'putong limas' dan 'rumah tungkup' sila lihat, Ismail Ibrahim, "Senibina Rumah Melayu Brunei: Satu Tinjauan Ringkas", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), *Op. Cit.*, hal. 85 dan 88.

29 Temubual dengan Hj. Ahmad Jamaluddin, *Op. Cit.*

30 Temubual dengan Hj. Bongsu Mat Salleh, *Op. Cit.*

31 Untuk penjelasan lanjut tentang 'tabuk bertongkat' sila lihat, Alimin Abdul Hamid, "Tradisi Membangun Rumah: Khususnya Rumah Tradisional di Kampong Ayer", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), *Op. Cit.*, hal. 115. Lihat juga Ismail Ibrahim, *Op. Cit.*, hal. 106.

32 Untuk mengetahui jenis-jenis kayu yang biasa digunakan untuk membina rumah sila lihat, Hamidon Abdul Ralim, **Asas Pembinaan Rumah**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hal. 13-14.

33 Maklumat lanjut tentang pemasangan tangga rumah orang-orang Melayu Brunei di kampung air sila lihat Alimin Abdul Hamid, *Op. Cit.*, hal. 115-116.

34 *Ibid.*, hal. 116.

35 *Ibid.*, hal. 115.

36 Menurut Islam, tetamu yang datang dengan tujuan kebaikan wajib diberi layanan yang baik sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga hari. Selepas tempoh tersebut, ia tidak lagi menjadi satu kewajipan.

37 Penjelasan lanjut sila lihat Abdul Rahman Al-Ahmadi, *Op. Cit.*, hal. 193.

38 Temubual dengan Hj. Ibrahim Kadir, *Op. Cit.*